



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

25 Mac 2016 / 16 Jamadilakhir 1437H

Berlaku Adil Terhadap Diri Sendiri

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ الْمَبْعُوثُ بِالرَّحْمَةِ وَالْقَوْلِ السَّدِيدِ، اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Pada hari Jumaat yang mulia ini, marilah berusaha untuk mempertingkatkan ketakwaan kita kepada Allah s.w.t. dengan melaksanakan perintah Allah s.w.t. dan menjauhi segala tegahanNya. Amin Ya Rabbal Alamin.

Saudaraku,

Allah s.w.t. berfirman dalam surah Al-Taubah ayat 70 yang berbunyi:

أَلَمْ يَأْتِهِمْ نَبَأُ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ قَوْمِ نُوحٍ وَعَادٍ وَثَمُودَ
 وَقَوْمِ إِبْرَاهِيمَ وَأَصْحَابِ مَدْيَنَ وَالْمُؤْتَفِكَاتِ أَنَّهُمْ
 رُسُلُهُمْ بِالْبَيِّنَاتِ ۖ فَمَا كَانَ اللَّهُ لِيَظْلِمَهُمْ وَلَكِنْ كَانُوا
 أَنْفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿٧٠﴾

Yang bermaksud: “Belumkah pernah datang kepada mereka berita penting tentang kaum yang sebelum mereka, (iaitu) kaum Nuh, 'Aad, Tsamud, kaum Ibrahim, penduduk Madyan dan kota-kota yang telah musnah? Telah datang kepada mereka para rasul dengan membawa keterangan yang nyata, maka Allah tidaklah sekali-kali menzalimi diri mereka, akan tetapi merekalah yang menganiaya diri mereka sendiri.”

Ayat yang baru dibacakan sebentar tadi, merupakan peringatan daripada Allah s.w.t., agar kita sentiasa mengambil iktibar dari segala kejadian dan peristiwa yang berlaku. Bagaimanakah kesudahan sebahagian kaum yang terdahulu, yang hilang kesan mereka dari muka bumi ini. Ia disebabkan perbuatan mereka sendiri. Mereka menzalimi diri mereka sendiri dan menganiayanya dan untuk itu, mereka mendapat kemurkaan Allah s.w.t.

Saudaraku,

Jika sebelum ini kita telah pun membincangkan kepentingan agar tidak berlaku zalim dan tidak adil kepada orang lain dan

makhluk Allah. Jangan pula kita lupa akan kepentingan untuk tidak “menzalimi diri sendiri”. Namun apakah erti menzalimi diri sendiri yang sering kita temui di dalam Al-Quran? Menurut ulama tafsir, seperti Imam Ibn Kathir dan Imam Al-Tabari, “menzalimi diri sendiri” membawa maksud: Seseorang yang bermaksiat kepada Allah serta tidak menunaikan hak dan tanggungjawab yang diwajibkan ke atasnya.”

Saudara, takrifan ini mengingatkan saya akan sebuah hadith Nabi s.a.w. yang diriwayatkan Imam Al-Tirmizi dan bermaksud: *“Tidak akan berganjak kedua kaki seorang hamba pada hari kiamat nanti sehingga dia ditanya tentang empat perkara: Tentang umurnya untuk apa dia gunakan, tentang ilmunya, sejauh mana dia amalkan ilmunya tersebut, tentang hartanya, dari mana harta tersebut diperolehi dan untuk apa harta tersebut dibelanjakan, dan tentang jasadnya, untuk apa dia gunakan.”*

Perhatikan saudaraku, setiap diantara empat perkara yang dinyatakan Nabi s.a.w. dalam hadis tersebut, merupakan hak setiap diri insan yang perlu ditunaikannya. Umur dan kesihatan jasmani kurniaan Allah. Ilmu, rezeki dan harta, semuanya merupakan nikmat dan kesenangan kurniaan Allah s.w.t.. Sesiapa yang menunaikan haknya dengan menggunakan kurniaan Allah tersebut sesuai dengan tuntutanNya, maka dia merupakan seorang yang berlaku adil. Akan tetapi barangsiapa

yang tidak berlaku adil terhadap diri sendiri, menggunakan nikmat Allah itu untuk bermaksiat, melaksanakan dosa tanpa pernah tergerak hatinya untuk berubah dan bertaubat, maka dikhuatiri ia bakal berhadapan dengan persoalan dan perhitungan yang rumit esok di mahkamah Allah.

Bagaimanakah telah kita habiskan usia kita selama ini? Apakah amalan kebaikan yang akan kita jadikan bekal bertemu Allah? Apakah dengan kesihatan yang masih ada kita telah menyumbang bakti, membantu yang memerlukan atau berusaha membawa harapan kepada manusia dan dunia ini? Sudahkah ilmu kita dikongsi dengan anak-anak dan orang lain agar dapat dimanfaatkan mereka untuk menjadi seorang yang berguna? Jangan ditunggu esok lusa saudaraku. Jangan dinanti bulan Ramadan yang mendatang untuk kembali bertaubat. Jangan pula kita tangguhkan ke usia lanjut untuk merubah diri.

Saudaraku,

Untuk memastikan kita dapat menggunakan nikmat yang ada pada diri kita dengan betul dan sesuai dengan tuntutan Allah, kita perlukan ilmu yang benar. Adalah juga suatu kezaliman terhadap diri sendiri jika kita berhenti membiarkan diri kita menurut sahaja kata orang tanpa sendiri mencari kebenaran berdasarkan ilmu. Contohnya sebahagian anak muda kita, kerana tidak mempunyai dasar ilmu dan maklumat yang

menyeluruh, terjerumus dalam kancah dadah, perjudian dan bahkan lebih teruk lagi sehingga ada yang terbabit dengan keganasan. Mereka tidak mendapatkan panduan dan tidak dibekalkan dengan kemampuan untuk menilai dengan betul. Ini juga disebabkan antara lain kerana kita sebagai ibu bapa ada kalanya kurang membekalkan diri kita dengan ilmu keibubapaan. Hingga akhirnya kita sendiri tidak dapat memberikan anak-anak kita bekalan maklumat dan ilmu dengan cara yang sesuai.

Oleh itu saudaraku, perhatikanlah segenap sudut kehidupan kita. Pastikan kita berlaku adil kepada diri, keluarga, sekalian makhluk dan paling penting kepada Allah s.w.t. Mudah-mudahan esok, tatkala kita berdiri di hadapan Allah, kita berada dalam keadaan redha lagi diredhai. Semoga Allah s.w.t. mengurniakan kepada kita kemampuan untuk menjalankan segala tanggungjawab terhadap Allah s.w.t. dan sekalian hamba-hambaNya dengan yang terbaik mungkin. Amin Ya Rabbal Alamin.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.